



SIARAN MEDIA

PROJEK RANGKAIAN HAB GENTIAN OPTIK *POINT OF PRESENCE* (PoP) PERLUAS RANGKAIAN INFRASTRUKTUR JALUR LEBAR DI KAWASAN BERPENDUDUK LUAR BANDAR

KUALA NERANG, 29 Mac 2023 – Sebanyak 432,300 premis akan menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi menjelang akhir tahun 2025 menerusi pembinaan rangkaian Hab Gentian Optik *Point of Presence* (PoP) di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil hari ini merasmikan Hab Rangkaian Gentian Optik *Point of Presence* (PoP) Zon Utara di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Terap.

Sebanyak RM4.6 bilion diperuntukkan untuk membina 4,323 PoP di kawasan berhampiran sekolah luar bandar. Pelaksanaan Projek PoP ini dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama melibatkan 677 PoP yang telah bermula pada 2021 sehingga kini. Fasa kedua PoP pula melibatkan 3,693 yang dilaksanakan dari 2022 hingga 2025.

Pelaksanaan PoP bertujuan untuk menyediakan infrastruktur gentian optik di kawasan sekitar sekolah, kediaman, premis perniagaan, komersial dan industri serta penyelenggaraan infrastruktur gentian optik. Jarak liputan PoP biasa ialah kira-kira 2.5 kilometer (km) hingga 3 km radius bagi setiap sekolah terpilih.

Syarikat Telekom Malaysia (TM) telah dilantik untuk merancang dan melaksanakan projek PoP Fasa 1 di Zon Utara (144 PoP), Zon Sabah (59 PoP) dan Zon Sarawak (60 PoP). Semua 233 PoP telah berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Projek ini dijangka siap secara berperingkat di pelbagai zon menjelang akhir 2025 yang melibatkan kesalinghubungan digital berasaskan rangkaian gentian optik, terutamanya di kawasan luar bandar. Pelaksanaan hab rangkaian gentian optik PoP di pedalaman akan membolehkan penduduk di kawasan luar bandar mendapatkan perkhidmatan Jalur Lebar Talian Tetap (JLTT) di rumah masing-masing dan tidak lagi bergantung kepada Internet mudah alih sedia ada.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital, YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, YBhg. Dato' Haji Pkharuddin bin Haji Ghazali, Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah, YB Dato' Haji Zamri bin Yusuf dan Naib Presiden Eksekutif TM One Telekom Malaysia Berhad, YBrs. Puan Shazurawati binti Abd Karim.

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Komunikasi dan Digital**